



23 MAY, 2026

Kerajaan tawar rebat solar bantu rakyat hadapi krisis tenaga

Berita Harian, Malaysia



Fadillah (tengah) bersama Abdul Rahman (dua dari kiri) dan Mad Zaidi (dua dari kanan) selepas menyempurnakan inisiatif Rebat SuRIA Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di Putrajaya, semalam. (Mohd Fadli Hamzah/BH)

Kerajaan tawar rebat solar bantu rakyat hadapi krisis tenaga

Program insentif SuRIA Home dijangka beri manfaat kepada 45,000 hingga 50,000 rumah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan memperkenalkan rebat solar di bawah program Sustainable Rebate and Incentive Assistance (SuRIA) Home bagi membantu rakyat dalam menghadapi krisis bekalan tenaga global akibat konflik di Asia Barat.

Menerusi program itu, penggunaan domestik yang memasang sistem Program Peralihan Tenaga Solar yang Diperkukuhkan (Solar ATAP) dan memenuhi kriteria kelayakan boleh menerima rebat sebanyak RM600 bagi setiap 1kWac pemasangan solar sehingga RM3,000 bersamaan 5kWac.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata SuRIA Home dilancarkan kerajaan bagi memberi insentif kepada mereka yang memasang solar di bawah Solar ATAP, iaitu program yang sudah dilancarkan Januari lalu.

"Tapi apabila ada suara-suara menyatakan tak adakah insentif yang diberikan, jadi akhirnya kita memutuskan untuk memberi insentif dengan nilai (peruntukan) RM120 juta bermula 1 Jun hingga Disember tahun ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan inisiatif

Rebat SuRIA Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Ketua Setiausaha PETRA, Datuk Seri Mad Zaidi Mohd Karli.

Fadillah berkata, program berkenaan dijangka memberi manfaat kepada antara 45,000 hingga 50,000 rumah dengan kapasiti solar terkumpul sekitar 250MW, sekali gus memperluas penggunaan solar bumbung kediaman di seluruh negara.

"Program SuRIA Home akan dibuka kepada pemasangan solar yang di bawah program Solar ATAP yang mula beroperasi bagi tempoh sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga kuota 250MW dipenuhi, yang mana terdahulu.

"Pelaksanaan rebat pula akan bermula pada 1 Jun 2026 dan tertakluk kepada prinsip first come, first served," katanya.

Bekalan tenaga cukup

Sementara itu, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata kerajaan sedang berusaha memastikan bekalan tenaga negara dapat dilanjutkan sehingga Disember ini susulan krisis berlaku akibat konflik di Asia Barat.

Katanya, setakat ini keterjaminan bekalan tenaga negara dijangka mencukupi sehingga Julai ini dengan usaha sedang dilaksanakan termasuk mendapatkan sumber dari luar negara.

"Kita mahu mengurangkan penggunaan dan menjimatkan sebenarnya penggunaan tenaga, supaya kita dapat memanjang-

kan tempoh hayat bekalan minyak serta gas kita.

"Setakat ini, insya-Allah keterjaminan bekalan tenaga kita sehingga Julai.

"PETRONAS sedang bertungkus lumus mendapatkan sumber bekalan, malah terpaksa pergi ke Afrika sekalipun, insya-Allah kita akan dapat keterjaminan bekalan tenaga kita sehingga Disember depan," katanya.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, krisis tenaga global yang dihadapi ketika ini memberi kesan kepada keseluruhan rantai ekonomi.

"Banyak akan terasa kesannya dalam fasa kedua dan ketiga disebabkan kurangnya bekalan, maka ia memberi kesan pada sektor lain seperti perubahan sebab plastik diperlukan untuk pembungkusan dan juga banyak perkara lain.

"Begitu juga (sektor) pembuatan dan sebagainya, ini sudah pasti memberi kesan kepada rakyat keseluruhannya, apatah lagi negara kita juga terkesan dengan subsidi yang begitu besar terpaksa ditanggung kerajaan demi mengekang kesannya kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diadakan setiap minggu melaksanakan pelbagai libat urus dengan pelbagai sektor untuk melihat bagaimana kesan krisis memberi impak kepada sektor ekonomi negara.

"(Mesyuarat MTEN) juga untuk melihat bagaimana kerajaan dapat membantu mengurangkan kesan terbabit, memastikan kelangsungan perniagaan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (SME)," katanya.